

# Dinasti Komunis Korea Utara

KOSMO 28/11/2011 M 22

**S**UASANA sedih menyelubungi Korea Utara. Warga tempatan di Pyongyang tanpa mengira latar belakang dan peringkat umur menngis teresak-esak meratapi kematian pemimpin tertinggi negara mereka, Kim Jong-il.

Ratapan kesedihan itu turut terpancar pada wajah seorang pembaca berita di sebuah stesen televisyen Korea Utara. Sewaktu membaca berita mengenai kematian Jong-il, 69, suaranya bergetar dan tersekat-sekat kerana mepaham sebak.

Media rasmi Korea Utara mengumumkan Jong-il meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke luar bandar Pyongyang dengan menaiki kereta api akibat serangan jantung.

Pemergian Jong-il merupakan satu kehilangan terbesar kepada warga Korea Utara. "Beliau seorang pemimpin yang sentiasa bertungkus-lumus dalam memastikan rakyatnya gembira.

"Saya menyifatkan Jong-il seorang pemimpin tegar dalam memastikan Korea Utara terus maju setaraf dengan negara-negara maju yang lain," jelas pensyarah Revolusi Sejarah Muzium Korea, Pyongyang, Ri Ho II mengenai sifat pemimpin kesayangannya itu.

Berita tentang tahap kesihatan Jong-il yang tidak memuaskan mula tersebar sejak tiga tahun lalu. Beliau bukan saja lemah akibat serangan angin ahmar malah turut didiagnosis menghidap kanser pankreas dan diabetes.

Tahap kesihatan Jong-il telah menimbulkan persoalan mengenai siapa yang bakal menggantikan kedudukan-

## Peralihan kuasa pemerintahan diktator menerusi tiga generasi merupakan yang pertama kali berlaku dalam sejarah moden. Namun, sistem itu hanya berlaku di Korea Utara.

nya sekali gus menguasai tentera dan program senjata negara itu. Pada bulan Oktober tahun lalu, Jong-il melakukan peralihan kuasa dengan melantik anak bongsunya, Kim Jong-un, 27, untuk menggantikan tempatnya.

Pemimpin yang mementingkan kesatuan rakyat melalui ideologi komunis dan fahaman Juche itu menyifatkan proses menamakan pewaris sementara dia masih hidup amat penting bagi mengelakkan krisis perebutan kuasa pada kemudian hari.

### Kuasa diktator

Menyorot struktur pemerintahan di Korea Utara, Jong-il memikul tanggungjawab sebagai pemimpin pada tahun 1994, selepas bapanya, Kim Il-sung meninggal dunia pada usia 82 tahun. Sejak itu, Jong-il memerintah negara yang mempunyai 24 juta penduduk itu.

Pengarang Diplomatik agensi berita *The Guardian*, Julian Borger pernah menyatakan peralihan kuasa diktator menerusi tiga generasi merupakan yang pertama kali berlaku dalam sejarah moden.

Jong-il dilahirkan di sebuah kem tentera rahsia di Gunung Baekdu, Jepun Korea pada 16 Februari 1942.

Jong-il mendapat pendidikan di Sekolah Rendah No.4 dan Sekolah Tengah Tinggi No.1 di Pyongyang. Sepanjang sesi persekolahan,

Belia (DYL).

Sebaik menamatkan persekolahan peringkat menengah, peminat sukan bola keranjang itu melanjutkan pengajian pendidikan bahasa Inggeris di Universiti Malta, Malta.

Sekitar tahun 1957, beliau dilantik menjadi Pengerusi DYL untuk peringkat sekolah menengah. Pada ketika itu, Jong-il menyasarkan program antipauk dan menerapkan pendidikan ideologi dalam kalangan rakan-rakan sekelasnya.

Sering dikaitkan sebagai salah seorang pemimpin paling kuat menindas rakyatnya, Jong-il selalu menampilkan sosok yang ganjil. Bertubuh kecil tetapi sangat berkaliber dan karakternya dengan gaya rambut kembang telah dipersemba oleh sesetengah negara Barat.

"Dia seorang yang misteri, saya rasa kerana gayanya. Misteri adalah sumber pengaruh dan kuasa. Dia telah memastikan sesuatu perkara berada dalam ketidakpastian," kata pengarah Pusat Pengajian Isu-isu Global, Universiti Georgia dan kerap melawat Korea Utara, Han S. Park.

ngan Soviet selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua.

Jong-il masih seorang kanak-kanak apabila komunis Korea Utara menyerang Korea Selatan yang mendapat sokongan Amerika. Tindakan itu menentuskan Perang Korea pada tahun 1950. ▶▶



GAMBAR fail pengasas Korea Utara, Kim Il-sung (tengah), isteri pertamanya, Kim Jong-suk dan anak lelaki mereka, Jong-il yang dipamerkan di Dewan Penyatuan, Sekolah Tinggi Sains Barat Seoul, Seoul.



# Dinasti Korea Utara berterusan

Kim Jong-un bersedia untuk mewarisi jawatan bapanya Kim Jong-il



**Kim Il-Sung**  
Pengasas/Presiden Komunis Korea Utara



Kim Jong-Sook



**Kim Jong-Il**  
Mewarisi daripada bapanya pada tahun 1994. Meninggal dunia pada 17 Disember 2011




Kim Kyong-Hui



Jang Song-Thaek

Bapa dan ibu saudara Kim Jong Un lebih berfungsi sebagai mentor pemimpin terbaharu



Kim Jong-Un



Kim Jong-Nam



Kim Sul-Song



Kim Jong-Chul

Jong-il aktif melibatkan diri dalam bidang politik. Antaranya Persatuan Kanak-kanak dan Liga Demokratik

Namun, rakyat Republik Rakyat Demokratik Korea Utara sangat menghormati Jong-il. Bapanya, Kim Il-sung ialah pengasas Korea Utara yang mendapat sokor



**KIRI:** Carta yang menunjukkan dinasti pemerintahan pengasas Korea Utara, Kim Il-sung yang diwarisi oleh anaknya.

**JONG-IL** memakai gelaran *Dear Leader* menggunakan acuan yang sama dengan bapanya yang dikenali sebagai *Great Leader*.



**JONG-IL** (depan) memeriksa unit Tentera Rakyat Korea di salah sebuah kawasan pergunungan yang dirahsiakan di Korea Utara. Gambar ini disiarkan di Tokyo pada bulan Ogos 1994.

**BERATUS-RATUS** rakyat Korea berhimpun di hadapan arca gergasi Kim Il-sung di Pyongyang kerana meratapi kematian pemimpin mereka, Jong-il.



# Pemerintahan Kim Jong-il

Rahsia, Konflik dan Permusuhan

## Kronologi pemerintahan Kim Jong-il

1997

Mula mengambil alih kuasa pemerintahan Korea Utara, selepas tiga tahun kematian bapanya.

1998

Korea Utara melancarkan ujian peluru berpadu jarak jauh pertamanya.

2002

Sumber perisikan Amerika Syarikat mendedahkan Korea Utara mempunyai kemampuan untuk menghasilkan senjata nuklear.

2006

Korea Utara menarik diri Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT). Enam kuasa besar nuklear mengadakan perbincangan perlucutan senjata nuklear di Beijing.

2006

Melakukan ujian senjata nuklear pertamanya pada 9 Oktober.

2007

Korea Utara bersetuju untuk menghentikan penyelidikan nuklear untuk menerima bantuan ekonomi dan menambah baik hubungan diplomatik.

2008

Kim Jong-Il diserang strok pada bulan Ogos. Washington mengeluarkan Korea Utara yang disenarai hitam sebagai negara pengganas.

2009

Melancarkan ujian roket jarak jauh pada April, dan mengumumkan ia akan menarik diri daripada rundingan enam pihak. Melancarkan ujian nuklear kedua pada 25 Mei.

2010

Topedo dipercayai milik Korea Utara telah menembak kapal perang dan membunuh hampir 46 tentera laut Korea Selatan.

Korea Utara enggan mendedahkan loji pengayaan uranium miliknya ketika dilawati saintis-saintis Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kapal perang Korea Utara menyerang sebuah pulau milik Korea Selatan, membunuh seramai empat orang awam.

2011

Mengadakan mesyuarat dengan utusan khas Korea Selatan membincangkan kebarangkalian menghidupkan semula rundingan enam pihak melibatkan pertemuan dengan utusan khas Amerika Syarikat di Geneva. Meninggal dunia pada 17 Disember dan bakal digantikan oleh anak bongsunya, Kim Jong-un.



Tentera Korea Utara Pyongyang 2009

kosmo 23/12/2011 MS 23.

## Info

### Korea Utara

- Ibu negara: Pyongyang
  - Bahasa rasmi: Korea
  - Etnik: Korea
  - Tarikh merdeka: 1 Mac 1919
- Pada 9 September 1945, Korea Utara berdiri dengan pentadbirannya sendiri.

■ Pada tahun 1592, sebahagian besar Korea berada di bawah kuasa Jepun tetapi pengaruh China masih mempengaruhi kawasan tersebut.

■ Pada tahun 1874 pula, Perjanjian Kanghai antara China dan Jepun, menyebabkan Korea terlepas daripada dominasi China dan hubungan perdagangan antara Jepun juga terbuka.

■ Namun pada tahun 1894 hingga 1895, berlaku peperangan antara China dan Jepun merebut Korea. Jepun menang dan menjadikan Korea negara protektorat di bawah Jepun.

■ Seramai 500 terbunuh dalam satu pergaduhan dengan tentera dalam bantahan buruh di Chongjin, Korea Utara pada bulan September 1981.



Selepas perang tamat, Jong-il mengikut falsafah yang digunapakai oleh ayahnya iaitu Juche atau pergantungan pada diri sendiri, asas pada sifat bersenderhana Korea Utara. Kedua-dua bahagian Korea tidak pernah menandatangani perjanjian damai dan kekal berperang secara teknikal dengan dipisahkan oleh zon bebas tentera.

Korea Utara mengangkat tempat lahir rasmi Jong-il adalah lokasi paling suci dan tertinggi, Gunung Paektu. Puncak gunung itu berada di bahagian utara bersempadan dengan Manchuria.

### Melarikan diri

Legenda rakyat Korea mengatakan bangsa tersebut lahir di situ lebih 5,000 tahun lalu. Bagaimanapun, para pengkaji lebih bersifat objektif mengenai tempat kelahiran pemimpin itu iaitu di wilayah Timur Jauh atau Soviet Union.

Bapa Jong-il pernah melarikan diri ke sana apabila Jepun memburu Kim Il-sung yang banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti gerila di wilayah jajahan Jepun, Korea.

Keluarga Jong-il pulang ke bahagian utara Semenanjung selepas Jepun menyerah kalah pada Perang Dunia Kedua dan diktator Soviet, Josef Stalin melantik Kim Il-sung menjadi Ketua Republik Rakyat Demokratik Korea.

Adik lelaki Jong-il mati lemas ketika kanak-kanak lagi manakala ibunya meninggal dunia ketika dia berusia 7 tahun. Sebaik Perang Korea meletus, dia dihantar ke Manchuria dan kembali semula selepas tiga tahun apabila perang tamat.

Biarpun berdepan dengan segala kesusahan, Jong-il hidup mewah dan mendapat pendidikan sebagai anak lelaki pertama diktator.

# Jong-un teruskan legasi bapa

"Pintu-pintu peluang terbuka luas untuknya sejak dari usia muda lagi," kata profesor sains politik, Universiti Hawaii yang pakar dalam kerajaan Pyongyang, Dae-ook Suh.

Sedikit demi sedikit, Jong-il dididik untuk menjadi pihak atasan dan membuat kemunculan di tempat awam yang dipenuhi dengan sorakan orang ramai.

Pada tahun 1980, Kim Il-sung secara rasmi melantik anaknya sebagai pewaris yang sah. Dia diberi posisi paling kanan di Sekretariat Parti dan Suruhanjaya Tentera, Politburo.

Jong-il memakai gelaran *Dear Leader* dan pihak pemerintah mula mencipta personaliti sucinya yang menggunakan acuan sama dengan bapanya yang dikenali sebagai *Great Leader*.

## Atur negara

Tiga tahun selepas Kim Il-sung mati secara mengejut akibat serangan jantung pada usia 82 tahun, ramai pemerhati luar meramalkan Korea Utara akan tumbang kesan daripada kehilangan tersebut.

Para penganalisis merumuskan bahawa Jong-il tidak begitu pandai mengaturkan pemerintahan.

"Saya tidak mengambil serius terhadap khabar-khabar angin yang tidak rasional terutama mereka yang tiada kaitan dengan pemerintahan.

"Saya percaya dia seorang yang bijak, pragmatik dan boleh menjadi manusia yang tidak berhati perut. Dia akan memegang setiap orang di kelilingnya," kata Alexander Mansourov seorang sarjana Korea dan bekas diplomat Rusia yang pernah ditugaskan di Pyongyang lewat tahun 1980-an.

DESAS-DESUS bertiup kencang bahawa Kim Jong-un bakal memimpin Korea Utara bagi menggantikan bapanya. Bagaimanapun, penganalisis politik berharap anak bongsu Kim Jong-il itu tidak mengikut acuan bapanyanya iaitu seorang penindas.

Sebelum ini anak sulung, Jong-il, Kim Jong-Nam disebut-sebut bakal menggantikan bapanya, bagaimanapun tindakan Jong-Nam yang masuk ke Jepun secara haram untuk berlibur di Disneyland, Tokyo telah memalukan Jong-il.

Profesor Sains Politik di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Mohamad Agus Yusoff berpendapat, agak sukar untuk meramal personaliti Jong-un sebagai pengganti bapanya kerana dia belum memerintah secara rasmi.

"Anaknya mempunyai kumpulan penasihat yang terdiri daripada bapa saudara, Jang Song-Thaek yang mempunyai ideologi sama seperti Jong-il," kata Agus ketika dihubungi *Kosmo!*

Dengan pengambilalihan Jong-un sebagai ketua negara yang baharu, diharap rantau Korea bertambah aman dan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang berbangkit.

Mendiang ibu Jong-un, pernah



JONG-IL (kanan) dan anak lelakinya, Jong-un (dua dari kiri) memberi tabik hormat kepada perbarisan tentera di Dataran Kim Il Sung, Pyongyang, Korea Utara pada bulan September lalu.

menggelarnya sebagai Jeneral Bintang Pagi. Selepas dipilih selaku pewaris, Jong-un dipanggil Kapten Kim. Beliau pernah belajar di Sekolah Antarabangsa Berne di Berne, Switzerland sehingga tahun 1998. Namun, beliau tidak sempat menghabiskan pengajiannya di peringkat diploma.

Jong-un kemudian meneruskan pengajian dalam jurusan sains ketenteraan di Kolej Peperangan Kebangsaan Kim Il Sung sehingga tahun 2007. Sebagai institusi khusus para pegawai tentera, Jong-un diajar secara persendirian di Jabatan Artileri selama

dua tahun.

Beliau tidak gemar bersosial sebaliknya gemar bermain ski dan bola keranjang. Selain itu, Jong-un meminati bintang bola keranjang AS, Michael Jordan dan bintang filem aksi, Jean-Claude Van Damme.

"Berada di bawah pimpinan Jong-un yang masih muda, tidak mustahil kumpulan muda akan memberi kerjasama kerana kami inginkan Korea Utara menjadi negara yang maju dalam segala aspek," tutur Kan Ok Ryon, 26, kepada *Korean Central News Agency*.